

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2019
PERCUBAAN**

**Sejarah
Kertas 3
Ogos
2019
3 Jam**

1249/3

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
TINGKATAN 5**

**SEJARAH
KERTAS 3
MASA : 3 JAM**

Berdasarkan tugas yang diberi, calon dikehendaki melaksanakan tugas berikut;

- i. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar majalah, risalah, internet dan lain-lain.*

- ii. Pada hari peperiksaan, calon **hanya dibenarkan** membawa masuk **buku teks, buku ilmiah, akhbar, majalah dan risalah** sahaja ke dalam dewan / bilik peperiksaan.*

NO SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
1	5 markah	
2	20 markah	
3	30 markah	
4	10 markah	
5	10 markah	
6	10 markah	
7	10 markah	
8	5 markah	
JUMLAH	100 markah	

Jangan buka kertas soalan sehingga diberitahu

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak

TUGASAN SPESIFIK

Pembentukan Malaysia merupakan satu pencapaian gemilang dalam sejarah pembinaan Negara dan bangsa Malaysia. Kejayaan ini membuktikan kebijaksanaan pemimpin negara menangani cabaran dan halangan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Bincangkan.

Peringatan ;

Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.

Aspek	Soalan / Tugas	Markah
Pengenalan	1. Latar belakang idea pembentukan Malaysia	5 markah
	2. Faktor yang menjadi asas pembentukan Malaysia dari aspek politik, ekonomi dan sosial.	20 markah
Isi dan Huraian	3. Reaksi terhadap pembentukan Malaysia (i) Reaksi dalam negeri (15 markah) (ii) Reaksi negara luar (15markah)	30 markah
	4. Cara pemimpin negara mengatasi cabaran dalam mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa.	10 markah
	5. Kepentingan pembentukan Malaysia kepada masa depan generasi hari ini.	10 markah
	6. Langkah untuk meningkatkan imej negara di persada antarabangsa	10 markah
	7. Iktibar yang diperolehi daripada pembentukan Malaysia	10 markah
	8. Rumusan tentang peristiwa pembentukan Malaysia	5 markah

-KERTAS SOALAN TAMAT-

SKEMA JAWAPAN SEJARAH KERTAS 3 / PERCUBAAN SPM 2019

Soalan	Butiran	Markah
1	<p>Latar belakang idea pembentukan Malaysia</p> <p>F1- Idea pembentukan Malaysia dikemukakan sejak awal abad ke-19 F2- Cadangan pertama dikemukakan pada tahun 1887 oleh Lord Brassry H2- Beliau mencadangkan agar Kerajaan British menggabungkan Sarawak, Sabah dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat (NNS) F3- Pada tahun 1948, Sir Malcom MacDonald H3- Mencadangkan supaya Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei, dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan. F4- Pada tahun 1956, Dato On bin Jaafar H4a- Mencadangkan agar Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia. H4b- Menurut beliau, British akan menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu F5- 1955, cadangan daripada pemimpin Singapura iaitu Lim Yew Hock diikuti oleh David Marshall 1959, Lee Kuan Yew H6a- Mendesak British supaya berunding dengan Tanah Melayu H6b- Menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu H6c- Idea ini tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman H6d- Kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk F7- 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia H7a- Mencadangkan pembentukannya dalam majlis makanan tengahari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.</p>	5 markah
2	<p>Faktor-faktor pembentukan Malaysia Faktor politik</p> <p>F1- Faktor politik F2- Keselamatan H2a- Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia H2b- Kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis H1c- Yang memenangi Pilihan Raya Hong Lim di Singapura H1d- Akan melemahkan parti pemimpin Lee Kuan Yew H1e- iaitu Parti Tindakan Rakyat H1f- Akan menggugat rancangan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura. H1g- Dianggap sebagai gerakan berhaluan kiri F3- Ancaman komunis H3a- Alasan untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan PTM</p>	20 markah

	<p>H3b- PTM mempunyai pengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM)</p> <p>H3c- Pengaruh komunis juga wujud di Sarawak</p> <p>H3d- Diperjuangkan oleh Clandestine Communist Organization(CCO)</p> <p>H3e- Bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara Komunis</p> <p>H3f- Penubuhan Malaysia diharapkan dapat menjadi banteng yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis</p> <p>F4- Kemerdekaan</p> <p>H4a- Akan dapat mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.</p> <p>H4b- Sarawak, Sabah dan Brunei belum mampu berkerajaan sendiri</p> <p>H4c- Akan menjamin kemerdekaan yang lebih awal</p> <p>H4d- Mereka akan dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi yang lebih awal</p> <p>F5- Proses dekolonisasi British</p> <p>H5a- Terdapat negeri-negeri kecil yang belum membangun</p> <p>H5b- Hampir semua negara di Asia Tenggara telah mendapatkan kemerdekaan</p> <p>H5c- Timbul usul dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa (PBB)</p> <p>H5d- Agar tanah jajahan dimerdekakan</p> <p>H5e- Memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara</p> <p>H5f- Menghalang penyebaran pengaruh komunis</p> <p>F6- Faktor ekonomi</p> <p>H6a- Mewujudkan satu pasaran yang lebih luas</p> <p>H6b- Menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian</p> <p>H6c- Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi</p> <p>H6d- Dapat memanfaatkan keistimewaan</p> <p>H6e- Dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini</p> <p>H6f- Tanah Melayu kaya dengan getah dan bijih timah/ Sabah dan Sarawak/ mempunyai sumber balak/ Brunei kaya dengan sumber minyak.</p> <p>F7- Faktor sosial</p> <p>H7a- Mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negara anggota.</p> <p>H7b- Mewujudkan kesepakatan dan semangat setiakawan antara PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura</p>	
3	<p>3. Reaksi terhadap pembentukan Malaysia</p> <p>(i) Reaksi dalam negeri (15 markah)</p> <p>Persekutuan Tanah Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada dasarnya semua parti politik di PTM menyokong gagasan Malaysia tetapi berbeza dari pelaksanaannya 	30 markah

- PAS dan Barisan Sosialis mahu cadangan ini dirunding di kalangan penduduk PTM
- Parti Rakyat mahu Singapura bergabung dahulu kemudian baru disertai oleh Sabah, Sarawak dan Brunei
- UMNO setuju pembentukan Malaysia tetapi tanpa Singapura

Singapura

- Lee Kuan Yew pemimpin Petir menyambut baik gagasan ini kerana mampu bendung pengaruh Barisan Sosialis
- Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul pengabungan ini menjelang Disember 1961
- Barisan Sosialis menentang pengabungan ini dengan alasan suatu bentuk penjajahan baru
- Mereka menuntut mengadakan pungutan suara dari kalangan rakyat Singapura
- Pandangan ini disokong oleh Parti Rakyat Bersatu (Ong Eng Guan) dan Parti Buruh (David Marshall)
- Referendum telah diadakan pada 1 September 1962
- Keputusan referendum 71;1 % pengundi Singapura memilih pengabungan Singapura dengan Malaysia

Sarawak

- Pada awalnya pemimpin Sarawak menentang gagasan Malaysia
- Mereka lebih yakin di bawah British
- Ada dikalangan mereka mahu merdeka terlebih dahulu
- Masyarakat Cina bimbang kedudukan mereka terjejas
- PANAS, SNAP, BERJASA, PESAKA dan SCA menyokong gagasan Malaysia
- Parti Perikatan Sarawak telah ditubuhkan menyokong pembentukan Malaysia
- SUPP menentang kerana bimbang kedudukan ekonomi mereka terjejas

Sabah

- Pada peringkat awalnya pemimpin Sabah menentang pembentukan Malaysia
- Parti Perikatan Sabah ditubuhkan menyokong pembentukan Malaysia
- Parti Perikatan Sabah mengemukakan tuntutan 20 syarat (20 Perkara)
- Tuntutan 20 Perkara ini juga diikuti oleh Sarawak
- 20 Perkara ini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan
- Menjelang akhir 1961, ramai pemimpin dan penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia

Brunei

- Pada awalnya Sultan Brunei bersetuju menyertai Malaysia
- Satu suruhanjaya dibentuk meninjau pendapat rakyat Brunei
- Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari menentang pembentukan Malaysia

- Malaysia dianggap sebagai neo-kolonialisme
- Parti Rakyat Brunei berhasrat membentuk Persekutuan Borneo (Kerajaan Kalimantan Utara)
- 7 Disember 1962, Parti Rakyat Brunei melancarkan pembenrontakan oleh Tentera Nasional Kalimantan Utara
- Pemberontakan ini berjaya dipatahkan oleh British
- Sultan Brunei menarik diri daripada penyertaan gagasan Malaysia

(ii) **Reaksi negara luar**

(15 markah)

Indonesia

- Pada awalnya Indonesia tidak menentang pembentukan Malaysia
- Akhir tahun 1962, Indonesia menentang gagasan Malaysia dengan alasan neo-kolonialisme
- Pembentukan Malaysia mengugat kedudukan pemerintah Indonesia yang dipengaruhi oleh PKI
- Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia menerusi konsep Ganyang Malaysia
- Indonesia menghantar pengintip. Menyerang kapal nelayan Malaysia, mencerooboh ruang udara Malaysia dan lancarkan serangan ketenteraan terhadap Malaysia & memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga
- Malaysia telah bertindak dengan kerajaan dan rakyat bersatu tenaga menghadapi pencerobohan Indonesia, menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB mengenai serangan Indonesia, Timbalan Perdana Menteri Dato' Abdul Razak mengarahkan Pasukan Pertahanan Tempatan (PPT) dan askar Wataniah untuk menghalang pencerobohan gerila Indonesia
- Kerajaan Malaysia mengambil langkah diplomatik untuk menangkis propaganda Indonesia
- Kerajaan Malaysia mendapat bantuan dari Britain, Australia, New Zealand dan Kanada menentang pencerobohan Indonesia
- Jeneral Soeharto berjaya menggulingkan Presiden Soekarno
- Jeneral Soeharto menjadi Presiden Indonesia dan telah menghantar Adam Malik memulihkan hubungan diplomatik Indonesia dengan Malaysia
- Ogos 1966 satu perjanjian damai telah ditandatangani di antara Dato' Abdul Razak dengan Adam Malik di Bangkok
- Perjanjian Damai tersebut menamatkan konfrontasi Indonesia dengan Malaysia secara rasmi.

Filipina

- Presiden Macapagal menuntut haknya terhadap Sabah pada Jun 1962
- Kerajaan Filipina mendakwa Sabah milik Kesultanan Sulu berdasarkan perjanjian antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron von Overback
- Baron von Overback menjualkan haknya kepada Alfert Dent
- Alfert Dent berjaya memperolehi Piagam Diraja daripada kerajaan

	<p>British yang dikenali sebagai SBUB</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setelah tamat Perang Dunia Kedua SBUB menyerahkan Sabah kepada British • 22 Januari 1938 waris Sultan Sulu terakhir Sultan Esma Kiram mengisytiharkan pajakan Sabah oleh British telah tamat • Filipina tdak mahu mengiktiraf kewujudan Malaysia • Filipina memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia • Jun 1966, barulah Filipina iktiraf penubuhan Malaysia 	
4	<p>Cara pemimpin negara mengatasi cabaran dalam mengukuhkan pembinaan negara dan bangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menangani penentangan Indonesia secara berhemah • Konfrantasi Indonesia dengan konsep Ganyang Malaysia telah diatasi dengan bijak. • Tunku Abdul Rahman bertindak menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung pencerobohan Indonesia • Serangan ketenteraan yang dilancarkan oleh Indonesia telah ditangani dengan penuh kesabaran. • Malaysia tidak melakukan serangan balas, sebaliknya mendapatkan sokongan dan bantuan dari tentera Komanwel. • Menaikan imej dan nama baik Malaysia serta mengukuhkan kedaulatan Malaysia • Malaysia telah menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain • Tun Abdul Razak bertindak bijak mengetuai lawatan ke beberapa buah negara Afrika bagi menjelaskan masalah hubungan diplomatik dengan Indonesia. • Tindakan Indonesia memburuk-burukan Malaysia diselesaikan secara toleransi dan berhemah dengan menjelaskan kepada negara Afro-Asia. • Tun Abdul Razak mengadakan rundingan sulit dengan menteri Luar Indonesia Tun Adam Malik untuk memulihkan hubungan • Ketegangan Malaysia Indonesia kembali pulih dan hubungan dua negara terpelihara hingga kini • Tunku Abdul Rahman berusaha gigih memulihkan hubungan serta menyelesaikan pertelingkahan dengan tertubuhnya MAPHILINDO • Semangat toleransi dimana pemimpin setuju menerima Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak dalam Akta Malaysia. • Malaysia sering mendapat kepercayaan pihak antarabangsa bagi mengetuai pertubuhan seperti NAM,OIC, ASEAN kesan kepimpinan Negara yang dihormati • Mengenakan hukuman berat kepada pesalah yang menggugat kedaulatan negara • Meningkatkan semangat patriotisme rakyat • Meningkatkan pembangunan dan kemudahan infrastruktur di Sabah dan Sarawak 	10 markah

	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal media massa yang menyebarkan isu sensitif • Memantapkan kawasan ESCOM • Memperketatkan kawalan sempadan negara • Merealisasikan kempen 1 Malaysia • Meningkatkan ilmu pengetahuan • Memperkasa perpaduan negara <p>[mana-mana jawapan munasabah]</p>	
5	<p>Kepentingan pembentukan Malaysia kepada masa depan generasi hari ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemerdekaan wilayah yang bergabung dengan Malaysia iaitu Sarawak, Sabah dan Singapura dapat dipercepatkan • Pembangunan antara wilayah tersebut dapat dilakukan untuk manfaat rakyat • Keluasan sempadan negara juga bertambah dengan penyertaan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia • Ancaman komunis di kawasan sempadan dan Negara ini dapat dikawal serta berakhir setelah termeterai perjanjian damai di Betong Thailand pada bulan Disember 1989 • Aktiviti pengganas komunis di kawasan Borneo juga berjaya di kawal • Pertahanan Negara dapat diperkukuhkan lagi dengan penyertaan penduduk Sarawak dan Sabah dalam bidang ketenteraan • Budaya masyarakat tempatan dapat diperkayakan dengan penerimaan beberapa budaya kaum pribumi di Sarawak dan Sabah sebagai kebudayaan kebangsaan • Pembentukan Malaysia juga dapat mengimbangi kadar pertumbuhan penduduk khususnya di Sarawak dan Sabah • Perpaduan dan hubungan antara kaum dapat dipupuk melalui program integrasi nasional • Pembentukan Malaysia dapat meningkatkan pelaburan asing di negara ini kerana kewujudan politik yang stabil • Kekayaan hasil negara semakin bertambah melalui eksploitasi hasil bumi dan hasil pertanian di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Tanah Melayu • Rakyat dapat menikmati kemajuan ekonomi melalui perkembangan industri pembalakan serta industri petroleum dan gas diperairan Sarawak dan Sabah • Secara tidak langsung perkembangan sektor ekonomi ini turut menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan • Kestabilan politik akan lebih terjamin • Hubungan negara serantau dan antarabangsa dapat diperkukuhkan • Kerjasama dari aspek ketenteraan dapat dipertingkatkan dengan negara luar • Pasaran negara dapat diperluaskan • Jumlah tenaga kerja dan modal insan bertambah • Rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar • Kerjasama dan tolak ansur antara kaum dapat diperkukuhkan • Rakyat mampu berdaya saing diperingkat global 	10 markah

	<ul style="list-style-type: none"> • Semangat setia negara dapat dipupuk • Taraf hidup masyarakat mampu ditingkatkan • Kebajikan rakyat akan terbela <p>[mana-mana jawapan munasabah]</p>	
6	<p>Langkah untuk meningkatkan imej negara di persada antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan kestabilan politik dengan negara-negara jiran. • Tidak berlaku pergeseran. • Isu pembakaran terbuka di Indonesia. • Meningkatkan kerjasama dan kemajuan ekonomi. • Perdagangan dua hala berterusan. • Malaysia membekalkan getah kepada Thailand. • Thailand membekalkan kayu balak kepada Malaysia. • Meningkatkan sains dan teknologi. • Kemajuan perusahaan perkilangan. • Singapura, Brunei dan Thailand. • Memajukan bidang perindustrian dan perladangan negara. • Penggunaan mesin, alatan yang lebih canggih. • Menteladani Singapura, Thailand dan Vietnam. • Meluaskan pasaran hasil pertanian negara ke negara jiran. • Memasarkan getah, lada hitam, sagu, nenas dan sebagainya. • Vietnam, Burma dan lain-lain • Pertukaran teknologi dan kepakaran. • Dalam bidang pemprosesan barang siap. • Singapura, Vitnam, Thailand dan lain-lain. • Meneruskan urusanniaga yang membantu meningkatkan pendapatan negara <p>[mana-mana jawapan munasabah]</p>	10 markah
8	<p>Iktibar yang diperolehi daripada Pembentukan Malaysia</p> <p>F1- Wujudnya sikap kerjasama dan toleransi rakyat PTM/Sabah/Sarawak F2- Memberi peluang kepada penduduk memberi pendapat F3- Mengutamakan unsur-unsur musyawarah dalam membuat keputusan F4- Pentingnya perpaduan kaum untuk mencapai sesuatu matlamat bersama F5- Sikap diplomasi politik antara negara dapat menyelesaikan masalah bersama seperti penubuhan MAPHILINDO F6- Berfikiran terbuka untuk menerima perubahan yang positif F7- Berani mempertahankan kebenaran F8- Bersabar dalam melaksanakan sesuatu F9- Berhati-hati dengan anasir luar F10- Mengamalkan diplomasi dalam mengatasi masalah</p>	10 markah

	F11- Bertolak ansur demi mencapai kesejahteraan bersama [mana-mana jawapan munasabah]	
9	<p>Rumusan tentang peristiwa pembentukan Malaysia</p> <p>(a) Pengetahuan yang diperolehi.</p> <p>P1- Memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan tokoh politik di Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura P2- Berjaya menghadapi tentangan Indonesia dan Filipina melalui diplomasi politik P3- Pembentukan Malaysia melalui pelbagai rintangan penentangan dari dalam dan luar negara</p> <p>(b) Nilai / unsur patriotisme berdasarkan tajuk.</p> <p>N1- Permaufakatan semua pihak dalam menjayakan sesuatu rancangan N2- Memperlihatkan semangat setiakawan yang tinggi UP1- Memelihara kedaulatan dan keselamatan negara UP2- Berbangga sebagai rakyat Malaysia UP3- Setia kepada pemimpin</p> <p>(c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.</p> <p>H1- Mempertingkatkan kemajuan negara dalam bidang politik, ekonomi dan Sosial H2- Mengukuhkan hubungan dengan negara serantau dan antarabangsa H3- Kekayaan dapat dinikmati bersama</p> <p>**Pastikan mana-mana pelajar ulas Pengetahuan – Ada 2 pengetahuan Nilai – Ada 2 nilai Harapan – Ada 2 harapan</p>	5 markah